

KHUTBAH KHAS ALAM KURNIAAN TUHAN  
25 Jun 2021M/15 Zulkaedah 1442H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا  
هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Islam tidak menolak kemajuan dan pembangunan, namun Islam melarang umatnya dari melakukan sebarang bentuk kerosakan yang mendatangkan kemusnahan kepada manusia, harta benda, haiwan dan alam sekitar. Setiap apa yang diciptakan

oleh Allah Subhanahu Wa Taala atas alam ini wajib diberikan hak kehidupannya mengikut *sunatullah*.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Dalam mengejar kemajuan dan kekayaan, terdapat segelintir manusia yang tidak mempedulikan hak-hak yang perlu dijaga dan dipertahankan. Keghairahan dalam mengeluarkan kekayaan hasil daripada perut bumi dan kerakusan mengejar harta kekayaan dengan sewenang-wenangnya sehingga merosakkan eko sistem dan alam sekitar adalah memberi kesan buruk dalam jangka masa pendek dan panjang. Firman Allah Subhanahu wa taala dalam surah al- Rum ayat 41;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ

بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

*Yang bermaksud: “ Telah timbul kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan-tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar) ”.*

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Kepentingan menjaga alam sekitar ini adalah peranan dan tanggungjawab kita bersama dalam mengurus dan mengurangkan kesan bencana alam. Setiap daripada kita sewajarnya menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan. Rasulullah Sallallahu alaihi wa Sallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim;

"مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ  
فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ"

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya (kekuasaannya), jika ia tidak mampu, maka ubahlah dengan lisannya (melaporkannya), jika ia tidak mampu juga, maka hendaklah ia mengubahnya dengan hatinya (tidak redho akan kemungkaran tersebut), demikian itu adalah selemah-lemah iman"*

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Marilah kita bersama-sama memastikan alam sekitar dipelihara dengan selamat. Elakkanlah daripada menarah bukit khususnya kawasan tadahan air, pembalakan haram, perlombongan yang tidak terkawal hingga mendatangkan

kemusnahan dan kemudharatan bukan sahaja kepada alam sekeliling namun lebih-lebih lagi kepada kita sebagai penghuninya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٣٧﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ